

Umat Islam harus perkukuh kuasa politik: Dr Mahathir

BH - 27/5/2005

COLOMBO: Tun Dr Mahathir Mohamad menyeru umat Islam di seluruh dunia bersatu dan memperkukuhkan keupayaan politik dan ketenteraan masing-masing untuk mempertahankan hak mereka terhadap penindasan.

"Biar kita realistik. Tanpa senjata bagaimana kita (umat Islam) akan mempertahankan diri apabila tanah tumpah darah kita dirampas dan hak kita dicabuli," kata Dr Mahathir merujuk kepada situasi di Palestin.

Bekas Perdana Menteri itu berkata demikian ketika berucap sebelum Majlis Umat Islam Sri Lanka menyampaikan anugerah penghormatan tertinggi 'Adams Peak Award' kepadanya.

Dr Mahathir juga menekankan perlunya umat Islam bersatu untuk menghadapi cabaran global.

Dr Mahathir memulakan lawatan dua hari ke Sri Lanka pagi semalam dengan sambutan hamparan permaidani merah di Lapangan Terbang Antarabangsa Bandaranaike.

Menteri Kewangan Dr Sarath Amunugama dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Sri Lanka Nazeera Hussein menyambut Dr Mahathir di lapangan terbang itu.

"Kita (umat Islam) berjumlah lebih 1.3 bilion orang tetapi antara yang terlemah dalam masyarakat global kerana perpecahan di kalangan kita," katanya.

Merujuk kepada keadaan di Asia Barat, katanya, keadaan bertambah buruk kerana ketiadaan umat Islam yang soleh.

"Saya berasa sedih untuk melihat bagaimana Israel melayan rakyat Palestin di bumi mereka sendiri. Semua ini berlaku sementara umat Islam lain di seluruh dunia hanya memerhatikan. Mengapa ini berlaku? Saya rasa ini kerana kita tidak amalkan agama kita dengan baik," katanya.

N M Ameen, Presiden Majlis Umat Islam Sri Lanka menyeru Dr Mahathir supaya memainkan peranan sebagai suara minoriti umat Islam di seluruh dunia.

"Di Sri Lanka, orang Islam adalah minoriti dan kami memerlukan seorang pemimpin dengan kedudukan anda untuk memimpin dan menunjukkan arah kepada kami," katanya.

Sebelum itu, Presiden Sri Lanka Chandrika Bandaranaike Kumaratunga meraikan Dr Mahathir dalam majlis makan malam tadi.



DR MAHATHIR menerima anugerah 'Adams Peak' daripada Pengerusi Majlis Masyarakat Islam Sri Lanka, ML Ameen di Colombo, semalam. Anugerah itu julung kali diberikan oleh majlis itu sebagai menghargai kepemimpinan beliau bagi umat Islam dunia. - Gambar AP